



JABATAN PENDAFTAR • DEPARTMENT OF REGISTRAR

Rujukan : UKM.PDF.100-1/3/1  
Tarikh : 13 Mac 2020

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 11/2020

DEKAN/PENGARAH/PENGETUA  
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/KOLEJ KEDIAMAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

YBhg.Prof./Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**COVID-19: ARAHAN MELAPOR DIRI BAGI PESERTA MAJLIS IJTIMAK TABLIGH DI MASJID JAMEK SRI PETALING, KUALA LUMPUR PADA 28 FEBRUARI HINGGA 1 MAC 2020**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Pihak Universiti memandang serius mengenai peningkatan kes positif wabak jangkitan COVID-19 di Malaysia dan di peringkat antarabangsa. Bagi menjamin keselamatan warga kampus, pihak Universiti telah mengambil langkah proaktif dalam membendung penularan jangkitan virus tersebut.

3. Sesuai dengan kenyataan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) rentetan dari kejadian COVID-19 berkaitan perkara di atas, pihak Universiti **MEWAJIBKAN** semua warga UKM termasuk staf dan pelajar yang telah menghadiri Majlis Ijtimak Tabligh di Masjid Jamek Sri Petaling Kuala Lumpur yang bermula dari **28 Februari hingga 1 Mac 2020** mengambil langkah berikut dengan **SERTA MERTA**:

- i. menghubungi **Pejabat Kesihatan Daerah (PKD)** berdekatan bagi melakukan saringan COVID-19. Pihak KKM melalui PKD akan menguruskan urusan penyaringan dan pengambilan sampel bagi tujuan pengesahan diagnosis. Sila hubungi CPRC Hotline (03 8881 0200/ 03 8881 0600/ 03 8881 0600) bagi maklumat lanjut; dan
- ii. melapor diri di Kaunter Saringan COVID-19 Pusat Kesihatan Universiti di Kolej Ibu Zain bagi urusan penyerahan **Memo Khas Pelepasan Hadir Bertugas Secara Fizikal**. Warga UKM ini perlulah menyerahkan dokumen pengesahan saringan dari KKM bagi tujuan mendapatkan memo khas tersebut. Pemegang memo ini adalah **DIWAJIBKAN** menjalani tempoh pengawasan sendiri di rumah selama 14 hari dari tarikh hadir ke majlis Ijtimak tersebut.

Sukacita pihak YBhg.Prof./Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat memaklumkan kepada semua warga di bawah seliaan masing-masing mengenai arahan ini. Semua pihak adalah dinasihatkan untuk tidak menyebarkan berita dari sumber yang tidak sahih dan dimohon untuk bertenang kerana situasi dalam kampus buat masa ini adalah terkawal.

Kerjasama semua warga UKM dan sikap tanggungjawab yang dipamerkan adalah amat dihargai.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-89214888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>


Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities



[www.ukm.my](http://www.ukm.my)

'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'

Yang benar,



DR. HJH. INA MD YASIN  
Pendaftar

- s.k
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
  - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)
  - Bendahari
  - Penasihat Undang-Undang
  - Ketua Pustakawan
  - Pengarah Pusat Pengurusan Risiko, Kelestarian dan Kesihatan Pekerjaan
  - Ketua Pusat Kesihatan Universiti
  - Merangkap Ketua Tindakan Operasi
- b.p. Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM : Kategori Penyakit Berjangkit



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-89214888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



[www.ukm.my](http://www.ukm.my)